

Kerajaan MADANI hargai warisan sejarah: PM

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan kenyataan Sultan Selangor berhubung latar sejarah, masa depan dan hala tuju kawasan Kampung Baru, selari pendirian Kerajaan MADANI yang teguh menekankan keperluan menghargai warisan sejarah serta merangka pembangunan yang adil dan seimbang.

Perdana Menteri berkata, kerajaan pimpinan-

nya berpegang teguh bahawa setiap keputusan mesti berpaksi pada aspek kesejahteraan rakyat serta kelangsungan identiti masyarakat.

“Sebagai Pengerusi Majlis Perumahan Mampu Milik Negara, saya beriltizam memastikan pembangunan membawa manfaat kepada rakyat tanpa mengorbankan maruah, hak dan sejarah yang merupakan kepentingan nasional,” katanya.